


Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

1. (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Rajah 1

Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik W dan Y.

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.

Syarikat C&T memaksimumkan keuntungan manakala kerajaan memaksimumkan kebajikan rakyat .

- (i) Tentukan sistem yang diamalkan oleh negara tersebut.

[1 markah]


- (ii) Terangkan cara sistem negara tersebut menyelesaikan masalah asas ekonomi.

[4 markah]

- (c) Dengan bantuan gambarajah , jelaskan hukum penawaran bagi suatu barang.

[6 markah]

- (d) Rajah 2 menunjukkan permintaan barang S.



- (i) Kira keanjalan harga permintaan barang tersebut jika harga berubah daripada RM 20 kepada RM10.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan d (i), tafsir keanjalan harga permintaan tersebut.

[2 markah]

2. (a) Gambar 1 menunjukkan fungsi wang dalam ekonomi.



Harga tunai RM 2,969.00


Bayaran ansuran RM123.00
(sebulan)

Gambar 1

Terangkan dua fungsi wang yang berkaitan dengan gambar di atas.

[4 markah]

- (b) Carta alir di bawah menunjukkan pergerakan kerjaya Azira.



Terangkan faktor yang mempengaruhi Azira memilih pekerjaan di bandar.

[6 markah]

- (c) Jadual 1 berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma dalam jangka pendek.

Hitung P dan Q.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (unit)	Kos purata (unit)	Kos marginal (unit)
0	40	-	-
1	80	80	P
2	100	50	20
3	110	Q	10
4	140	35	30
5	180	36	40
6	240	40	60

Jadual 1

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan aspek eksternaliti.

KANGAR: Isu membabitkan Sungai Ngulang yang dilaporkan tercemar masih boleh diselamatkan memandangkan tahap pencemarannya didapati tidak seteruk seperti pencemaran yang berlaku di sungai lain.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata Perlis berasih baik kerana kualiti air di kebanyakan sungai di negeri itu dikategorikan sebagai Kelas Satu oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu Indeks Kualiti Air (WQI) berada pada tahap bacaan 92.7 hingga 100, selain mempunyai ekosistem yang sihat.

"Bagaimanapun, Kerajaan Perlis perlu mengambil tindakan segera bagi menangani isu pencemaran sungai di negeri itu bagi memastikan kualiti air sungai kekal pada paras Kelas Satu.

Sumber BHOnline , 15 Mac 2021

Situasi tersebut telah menyebabkan berlakunya kos sosial kepada penduduk di kawasan sekitar. Jelaskan.

[6 markah]

3. (a) Maklumat di bawah menunjukkan dua jenis perbelanjaan kerajaan.

PERBELANJAAN A	PERBELANJAAN B
<ul style="list-style-type: none"> • Emolumen • Bayaran khidmat hutang • Bekalan dan Perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sektor perkhidmatan ekonomi • Sektor perkhidmatan sosial • Sektor keselamatan

- i) Nyatakan jenis perbelanjaan A dan perbelanjaan B.

[2 markah]

- ii) Jelaskan tujuan perbelanjaan B dilaksanakan .

[4 markah]

- (b) Terangkan kepentingan pertukaran asing.

[6 markah]

- (c) Jelaskan kesan peristiwa berikut terhadap kadar pertukaran asing iaitu Ringgit Malaysia:

- i) Pelancong dari Thailand ke Malaysia meningkat sebanyak 32.5% pada tahun 2016.

[4 markah]

- ii) Malaysia mengurangkan jumlah import peralatan kereta dari Jepun.

[4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab **mana-mana dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan kenaikan harga barang dalam pasaran.

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan agensi lain yang berkaitan berterusan memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu kenaikan harga barang.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan perlu memastikan supaya aktiviti tidak beretika yang menekan dan membebankan pengguna dapat dibanteras dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

"Kerajaan menyedari tindakan sebilangan pemberong atau peniaga yang mengambil kesempatan dengan sewenang-wenangnya menaikkan harga barang keperluan pada musim-musim tertentu.

"Kenaikan harga barang sudah tentunya membebangkan pengguna, terutamanya golongan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja kecil," ketika menyampaikan Amanat Perdana Menteri sempena Lawatan ke KPDNHEP dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di sini, hari ini.

Sumber : April 23, 2021 @ 2:57pm pmbhnews@bh.com.my

- (a) Bagaimakah tindakan tersebut dapat meringankan beban pengguna?
[4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran barang tempatan.
[7 markah]
- (c) Setujukah anda bahawa tindakan kerajaan dapat menguntungkan pihak pengeluar? Kemukakan alasan anda.
[9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan belia yang muflis.


KUALA LUMPUR: Laporan kajian Pantauan Ekonomi Malaysia Disember 2019 yang diterbitkan Bank Dunia, menganggarkan sejumlah 60 peratus daripada keseluruhan individu muflis di Malaysia adalah dari golongan muda yang berumur 25 hingga 44 tahun, ekoran daripada tabiat berbelanja melebihi pendapatan.

“Jumlah peminjam muflis juga disebabkan oleh pinjaman peribadi dan kredit kad yang meningkat sebanyak 104 peratus dan 43 peratus, pada 2018 berbanding 2012,” kata Bank Dunia dalam kajian berkenaan.

Sumber: ubahsuai Berita Harian Online 11 Disember 2019.

- (a) Jelaskan kesan muflis kepada golongan belia. [5 markah]
- (b) Bagaimana golongan belia dapat mengubah tabiat berbelanja melebihi pendapatan. [6 markah]
- (c) Setujukah anda pinjaman peribadi dan penggunaan kad kredit menjadi penyumbang kepada masalah tersebut?.
Berikan hujah anda. [9 markah]

6. Gambar di bawah menunjukkan salah satu peranan kerajaan dalam ekonomi.



- (a) Jelaskan peranan kerajaan tersebut kepada ekonomi negara.
[5 markah]
- (b) Bagaimanakah tindakan tersebut memberi kesan kepada graduan yang dipilih?
[6 markah]
- (c) Graduan yang tidak dipilih sebagai guru, boleh memilih pekerjaan lain.
Beri pendapat anda.
[9 markah]

7. Maklumat di bawah menunjukkan Geran Khas Prihatin yang dilancarkan oleh kerajaan.



Sumber: <https://bantuansarahiduprakyat.com/geran-khas-prihatin>

- (a) Perniagaan Kerepek Aminah telah memohon bantuan tersebut.
Bagaimanakah tindakan kerajaan dapat membantu perniagannya?
[4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambarajah yang sesuai, jelaskan tindakan tersebut terhadap pasaran kerepek.
[7 markah]
- (c) Kerajaan berpendapat bantuan tersebut dapat merangsang pertumbuhan ekonomi semasa pandemic Covid19.
Kemukakan hujah anda.
[9 markah]

Soalan Tamat

